

# GOOGLE SHEETS

Google Sheets adalah aplikasi *spreadsheet* berasaskan awan (*cloud*) yang membolehkan anda berkolaborasi secara langsung (*real-time*) dan dapat diakses di pelbagai peranti yang mempunyai capaian internet.

Pengguna boleh mencipta, menyunting, menyusun, menganalisis data dan memaparkan maklumat dalam bentuk *spreadsheet* dengan menggunakan Google Sheets.

## JIMATKAN MASA DENGAN TEMPLAT SEDIA ADA

Google Sheets juga menyediakan templat *spreadsheet* untuk pelbagai keperluan seperti mewujudkan senarai kerja, penyediaan bajet, jadual, garis masa projek dan pemantauan kemajuan projek.


Klik **New** → **Google Sheets** → **Blank Spreadsheet** atau **From a template**



## JADIKAN DATA ANDA LEBIH DINAMIK DENGAN SMART CHIPS

Smart chips meningkatkan kecekapan dan berkolaborasi secara interaktif semasa mengendalikan dokumen.

Klik **Insert** → **Smart chips**



### a. People

Menanda seseorang untuk bertanggungjawab dan membolehkan anda menghantar e-mel, berkomunikasi atau menjadualkan mesyuarat bersama mereka dengan cepat.

### b. File

Meletakkan pautan fail seperti Docs, Sheets dan Slides dalam dokumen. Ini membolehkan ahli pasukan mengakses atau pratonton (*preview*) fail terus daripada dokumen.

### c. Calendar events

Memasukkan perincian program daripada Google Calendar. Ini membolehkan butiran program seperti tarikh, masa dan tempat dipaparkan serta menjadikan penjadualan dan rujukan lebih mudah.

## TAHUKAH ANDA?

Google Sheets bukan sahaja boleh digunakan untuk **perancangan bajet**, **analisis kewangan** dan **pengurusan data** tetapi ia juga dapat digunakan untuk **mengurus jadual**, **mencipta senarai tugas**, **mantau kemajuan projek**, **menganalisis data tinjauan** dan menghasilkan **dashboard visual**.

